

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA, SIRI 8/2025

Ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan, dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan yang kukuh, sementara keadaan pasaran buruh yang bertambah baik terus mendorong permintaan domestik

PUTRAJAYA, 29 OGOS 2025 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR), Siri 8/2025**. Edisi ini menampilkan prestasi ekonomi bagi suku tahun kedua 2025 dan statistik terkini yang diterbitkan pada Jun 2025, berserta keluaran terpilih bagi Julai 2025. Sorotan utama adalah artikel bertajuk “Kajian Pengukuran Pelancongan Lestari di Malaysia” yang memperkenalkan anggaran awal mengenai impak aktiviti pelancongan terhadap alam sekitar. Walaupun pelancongan kekal sebagai penyumbang penting pertumbuhan ekonomi Malaysia, aktiviti ini turut membawa cabaran dalam mengimbangi pembangunan dengan penggunaan lestari sumber asli.

Menurut tinjauan global terbaharunya, *International Monetary Fund (IMF)* melalui *World Economic Outlook Report* yang diterbitkan pada Julai 2025, mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global sebanyak 3.0 peratus pada tahun 2025 dan 3.1 peratus pada tahun 2026. Pertumbuhan ini disokong oleh prestasi stabil ekonomi maju yang diunjurkan berkembang 1.5 peratus pada tahun 2025 dan 1.6 peratus pada tahun 2026, di samping momentum berterusan dalam Pasaran Baharu Muncul dan Ekonomi Membangun (EMDE), dengan peningkatan 4.1 peratus pada tahun 2025 dan 4.0 peratus pada tahun 2026. Tahun 2025 dicirikan dengan daya ketahanan berikutnya ketegangan perdagangan yang berterusan dan ketidaktentuan geopolitik. Sehubungan itu, pertumbuhan ekonomi global diunjur sebanyak 3.0 peratus, menandakan optimisme berhati-hati walaupun berdepan cabaran semasa. Bagi Malaysia, tinjauan global ini menekankan keperluan memperkuatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan pemacu pertumbuhan, mengukuhkan

permintaan domestik dan mempercepatkan strategi berdasarkan produktiviti. Langkah-langkah ini adalah penting bukan sahaja untuk mengurangkan risiko luaran, tetapi juga untuk menjamin pembangunan ekonomi jangka panjang yang mampan dan berdaya saing.

Menekankan hala tuju ekonomi Malaysia, Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia berkembang sebanyak 4.4 peratus pada suku kedua 2025, mengekalkan pertumbuhan sama seperti suku sebelumnya. Pada pelarasan bermusim, pertumbuhan direkodkan pada 2.1 peratus. Bagi separuh pertama tahun ini, ekonomi berkembang sebanyak 4.4 peratus, sederhana berbanding 5.0 peratus pada tempoh yang sama tahun 2024. Momentum pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan dari segi penawaran, manakala penggunaan swasta dan pelaburan kekal sebagai penyumbang utama dari segi permintaan. Ini mencerminkan daya tahan permintaan domestik dalam meredakan tekanan luaran dan mengekalkan aktiviti ekonomi keseluruhan".

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia meningkat 3.0 peratus tahun ke tahun pada Jun 2025, disokong oleh prestasi lebih kukuh dalam sektor Pembuatan (3.6%) dan Elektrik (4.1%), manakala sektor Perlombongan mencatatkan penurunan marginal 0.01 peratus selepas penyusutan ketara pada Mei. Secara bulanan, IPP melonjak semula 7.6 peratus, mencerminkan peningkatan momentum merentasi sektor utama. Bagi suku kedua 2025, IPP berkembang 2.0 peratus (ST1 2025: 2.3%), menjadikan pertumbuhan bagi separuh pertama tahun ini pada 2.2 peratus berbanding 3.7 peratus dalam tempoh yang sama tahun 2024. Perkembangan ini menunjukkan pemulihan beransur-ansur dalam aktiviti perindustrian, dipacu oleh daya tahan pengeluaran sektor Pembuatan, walaupun pertumbuhan keseluruhan kekal sederhana berbanding tahun sebelumnya.

Begitu juga, nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia meningkat sebanyak 3.3 peratus tahun ke tahun pada Jun 2025 (Mei 2025: 2.4%), berjumlah RM161.2 bilion berbanding RM158.6 bilion pada bulan sebelumnya. Pengembangan ini dipacu oleh pertumbuhan dua-digit yang kukuh dalam subsektor Makanan, minuman & tembakau (+14.7%), disokong oleh peningkatan berterusan dalam Peralatan elektrik & elektronik (+4.5%) serta Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka (+3.0%). Secara bulanan, nilai jualan sektor Pembuatan meningkat sebanyak 1.6 peratus. Bagi suku kedua 2025, nilai jualan mencatatkan pertumbuhan 3.4 peratus (ST1 2025: 4.0%) kepada RM480.2 bilion. Secara kumulatif, nilai jualan bagi separuh pertama 2025 mencecah RM955.8 bilion, meningkat 3.7 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024.

Trend ini menekankan permintaan berterusan dalam subsektor utama pembuatan, dengan industri berkaitan makanan memberikan dorongan kukuh.

Dalam konteks yang lebih luas, sektor Perkhidmatan Malaysia mengekalkan momentum pertumbuhan positif pada suku kedua 2025, mencatatkan prestasi kukuh merentasi segmen utama. Hasil sektor meningkat 5.7 peratus tahun ke tahun kepada RM641.4 bilion, sementara Indeks Volum Perkhidmatan bertambah 5.1 peratus kepada 159.9 mata, mencerminkan permintaan yang berdaya tahan dan aktiviti sektor yang stabil. Bagi pebandingan suku tahunan, hasil berkembang sebanyak 1.8 peratus, seiring dengan kenaikan 1.1 peratus dalam indeks volum. Segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman serta Penginapan kekal sebagai penyumbang utama, merekodkan peningkatan hasil sebanyak 4.9 peratus kepada RM484.0 bilion dan kenaikan 5.0 peratus dalam indeks volum kepada 160.2 mata. Pertumbuhan dalam segmen ini dipacu oleh aktiviti pelancongan domestik yang rancak, sekali gus menggalakkan perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi semasa cuti umum, musim perayaan dan cuti sekolah. Pada masa yang sama, aliran masuk pelawat antarabangsa yang berterusan turut mengukuhkan lagi perkembangan sektor Perkhidmatan.

Dari segi perdagangan luar, Imbangan Akaun Semasa (CAB) Malaysia merekodkan lebihan yang lebih kecil sebanyak RM0.3 bilion pada suku kedua 2025, berbanding RM4.3 bilion dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya. Lebihan ini terutamanya disokong oleh eksport bersih barang. Pelaburan Langsung Asing (FDI) pula sederhana kepada aliran masuk bersih sebanyak RM1.6 bilion (ST2 2024: RM9.6 bilion), yang disalurkan terutamanya ke dalam sektor Perkhidmatan. Sementara itu, Pelaburan Langsung di Luar Negara (DIA) merekodkan aliran masuk bersih sebanyak RM0.6 bilion, berbalik daripada aliran keluar bersih sebanyak RM0.9 bilion pada suku yang sama tahun lalu dengan pelaburan tertumpu dalam sektor Pembuatan dan Perkhidmatan.

Jumlah perdagangan barang Malaysia berkembang sebanyak 6.1 peratus tahun ke tahun kepada RM749.2 bilion pada suku kedua 2025. Eksport meningkat 3.4 peratus kepada RM381.8 bilion, manakala import melonjak 9.0 peratus kepada RM367.4 bilion. Sehubungan itu, lebihan dagangan menyusut dengan ketara kepada RM14.4 bilion, penurunan mendadak sebanyak 55.3 peratus berbanding suku yang sama tahun 2024. Walau bagaimanapun, momentum bertambah baik pada Julai 2025 dengan jumlah perdagangan meningkat 3.8 peratus tahun ke tahun kepada RM265.9 bilion. Eksport mengukuh kepada RM140.4 bilion (+6.8%), manakala import mencatatkan peningkatan sederhana kepada RM125.5 bilion (+0.6%), menghasilkan lebihan dagangan sebanyak RM15.0 bilion, merupakan yang tertinggi direkodkan pada tahun 2025.

Prestasi ini memperlihatkan prospek sektor luaran yang bercampur. Walaupun lebihnya akaun semasa dan aliran masuk FDI sederhana disebabkan oleh ketidaktentuan global, sektor perdagangan Malaysia terus menunjukkan daya tahan. Pemulihan pada bulan Julai yang didorong oleh prestasi eksport yang lebih kukuh, menunjukkan peningkatan permintaan luar, khususnya bagi barang pembuatan utama yang berpotensi menyokong kedudukan luaran Malaysia pada separuh kedua tahun ini.

Dari segi harga, inflasi Malaysia meningkat perlahan kepada 1.1 peratus pada Jun 2025 berbanding 1.2 peratus pada Mei 2025. Kadar inflasi bagi Restoran & perkhidmatan penginapan mencatatkan 2.8 peratus (Mei 2025: 3.0%), manakala Makanan & minuman kekal pada 2.1 peratus dan Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah mencatatkan peningkatan lebih perlahan iaitu 0.1 peratus (Mei 2025: 0.2%). Sementara itu, beberapa kumpulan mencatatkan kenaikan lebih tinggi, terutamanya Penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barang & perkhidmatan, pada 4.2 peratus (Mei 2025: 3.7%). Bagi suku kedua 2025, inflasi meningkat 1.3 peratus tahun ke tahun, lebih rendah berbanding 1.5 peratus yang direkodkan pada suku pertama 2025. Bagi Julai 2025 pula, inflasi meningkat lebih perlahan 1.2 peratus dengan mata indeks mencatatkan 134.7 berbanding 133.1 pada bulan yang sama tahun sebelumnya.

Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia bagi Pengeluaran Tempatan menyusut 4.2 peratus pada Jun 2025, selepas mencatatkan penurunan 3.6 peratus pada Mei 2025. Kesemua sektor utama merekodkan penurunan tahun ke tahun, diterajui oleh Perlombongan (-8.0%) dan Pembuatan (-4.3%). Bagi suku kedua 2025, IHPR menguncup 3.7 peratus (ST1 2025: -0.3%), disebabkan terutamanya oleh penurunan ketara dalam Perlombongan (-13.7%) dan Pembuatan (-3.4%).

Penyederhanaan dalam inflasi pengguna menandakan keadaan harga yang stabil, didorong terutamanya oleh tekanan yang berkurangan dalam kategori perkhidmatan dan berkaitan isi rumah. Namun begitu, penurunan berterusan dalam harga pengeluar, khususnya dalam sektor Perlombongan dan Pembuatan, menekankan penyesuaian kos yang berterusan dalam industri huluhan. Perbezaan ini menunjukkan bahawa walaupun harga pengguna kekal stabil, harga pengeluar yang rendah berpotensi mempengaruhi trend inflasi masa hadapan serta menggambarkan kelembapan asas dalam pasaran komoditi global.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menekankan bahawa pasaran buruh Malaysia terus mengukuh pada suku kedua 2025. Tenaga buruh Malaysia meningkat 2.7 peratus tahun ke tahun, mencecah 17.37 juta orang dengan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB)

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan pada jam 1200, Jumaat, 29 Ogos 2025

naik sedikit kepada 70.8 peratus. Bilangan penduduk bekerja bertambah 2.9 peratus kepada 16.85 juta orang, sekali gus meningkatkan nisbah guna tenaga kepada penduduk kepada 68.7 peratus. Pada masa yang sama, bilangan penganggur menurun 4.4 peratus kepada 520.9 ribu orang, menjadikan kadar pengangguran susut kepada 3.0 peratus.

Pada Jun 2025, Indeks Utama (LI) mencatatkan sedikit penurunan dalam kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 0.2 peratus, iaitu kepada 113.4 mata berbanding 113.6 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Sementara itu, LI kekal di bawah paras 100.0 mata dalam trend jangka panjang terkawal, yang menggambarkan ekonomi dijangka sederhana pada masa hadapan, yang disokong oleh permintaan domestik yang kukuh tetapi dibayangi oleh cabaran luaran.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengaruhi Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
29 OGOS 2025**


Lampiran 1: Petunjuk Ekonomi Suku Tahunan



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan pada jam 1200, Jumaat, 29 Ogos 2025


Indeks Volum Perkhidmatan

5.0%
ST2 2025




Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

4.3%
ST2 2025




Eksport

3.4%
ST2 2025




Import

9.0%
ST1 2025




Indeks Harga Pengguna (IHP)

1.3%
ST2 2025



Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

-3.7%
ST2 2025



MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MALAYSIA ECONOMIC STATISTICS REVIEW, VOLUME 8/2025

Malaysia's economy remains resilient, underpinned by robust Services and Manufacturing activities, while improving labour market conditions continue to support domestic demand

PUTRAJAYA, 29th AUGUST 2025 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR), Volume 8/2025**. This edition highlights the economic performance for second quarter of 2025 as well as the latest statistics released in June 2025, along with selected releases for July 2025. A key feature is the article on “Experimental Measurement of Sustainable Tourism in Malaysia”, which introduces pioneering estimates on the environmental impact of tourism. While tourism continues to be a significant driver of Malaysia’s economic growth, it also presents challenges in balancing development with the sustainable use of natural resources.

According to its latest global outlook, The International Monetary Fund (IMF) through its World Economic Outlook Report released in July 2025 projected global economic growth of 3.0 per cent in 2025 and 3.1 per cent in 2026. The expansion is underpinned by steady performance in advanced economies, forecasted to grow by 1.5 per cent in 2025 and 1.6 per cent in 2026, alongside sustained momentum in Emerging Markets and Developing Economies (EMDE), with growth of 4.1 per cent in 2025 and 4.0 per cent in 2026. The year 2025 has been characterised by resilience in the face of persistent trade tensions and geopolitical uncertainties. In this regard, global economic growth is projected at 3.0 per cent, signalling cautious optimism despite prevailing challenges. For Malaysia, this global outlook highlights the need to reinforce economic resilience by diversifying growth drivers, strengthening domestic demand and accelerating productivity-led strategies. These measures are crucial not only to mitigate

Emargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Friday 29th August

external risks but also to secure sustainable and competitive long-term economic development.

Emphasising Malaysia's economic trajectory, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, "Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) grew by 4.4 per cent in the second quarter of 2025, maintaining the same pace as in the previous quarter. On a seasonally adjusted basis, growth stood at 2.1 per cent. For the first half of the year, the economy grew by 4.4 per cent, moderating from 5.0 per cent in the corresponding period of 2024. Growth momentum was primarily supported by the Services sector on the supply side, while on the demand side, private consumption and investment remained the key drivers. This reflects the resilience of domestic demand in cushioning against external headwinds and sustaining overall economic activity."

Malaysia's Industrial Production Index (IPI) grew by 3.0 per cent year-on-year in June 2025, supported by stronger performance in Manufacturing (3.6%) and Electricity (4.1%), while Mining registered a marginal decline of 0.01 per cent after a sharp contraction in May. On a month-on-month basis, the IPI rebounded strongly with a 7.6 per cent increase, reflecting improved momentum across major sectors. For the second quarter of 2025, the IPI expanded by 2.0 per cent (Q1 2025: 2.3%), bringing growth for the first half of the year to 2.2 per cent, compared with 3.7 per cent in the corresponding period of 2024. These trends indicate a gradual recovery in industrial activity, underpinned by resilient manufacturing output, though overall growth remains moderate than last year.

Likewise, the sales value of Malaysia's Manufacturing sector strengthened by 3.3 per cent year-on-year in June 2025 (May 2025: 2.4%), amounting to RM161.2 billion compared to RM158.6 billion in the previous month. The expansion was led by robust double-digit growth in the Food, Beverages & Tobacco sub-sector (+14.7%), supported by steady gains in Electrical & Electronics products (+4.5%) and Non-metallic mineral products, Basic Metal & Fabricated Metal products (+3.0%). On a month-on-month basis, manufacturing sales rose by 1.6 per cent. For the second quarter of 2025, sales recorded growth of 3.4 per cent (Q1 2025: 4.0%) to RM480.2 billion. Cumulatively, sales in the first half of 2025 reached RM955.8 billion, an increase of 3.7 per cent compared to the same period in 2024. These trends underscore sustained demand in key manufacturing sub-sectors, with food-related industries providing strong impetus.

In a broader context, Malaysia's Services sector sustained its positive growth momentum in the second quarter of 2025, registering solid performance across major segments. Sectoral revenue expanded by 5.7 per cent year-on-year to RM641.4 billion, while the

Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Friday 29th August

Services Volume Index increased by 5.1 per cent to 159.9 points, reflecting resilient demand and steady sectoral activity. On a quarter-on-quarter basis, revenue grew by 1.8 per cent, alongside a 1.1 per cent rise in the volume index. The Wholesale & Retail Trade, Food & Beverage, and Accommodation segment remained the main contributor, recording a 4.9 per cent increase in revenue to RM484.0 billion and a 5.0 per cent rise in the volume index to 160.2 points. Growth in this segment was underpinned by strong domestic travel activity, which encouraged higher consumer spending during public holidays, festive periods and the school holidays. At the same time, the steady inflow of international visitor arrivals further reinforced expansion in the Services sector.

On the external trade front, Malaysia's Current Account Balance (CAB) recorded a smaller surplus of RM0.3 billion in the second quarter of 2025, compared to RM4.3 billion in the same period last year. The surplus was mainly supported by net exports of goods. Foreign Direct Investment (FDI) moderated to a net inflow of RM1.6 billion (Q2 2024: RM9.6 billion), channelled primarily into the Services sector. Meanwhile, Direct Investment Abroad (DIA) registered a net inflow of RM0.6 billion, reversing from a net outflow of RM0.9 billion in the corresponding quarter last year, with investments concentrated in Manufacturing and Services.

Malaysia's total merchandise trade expanded by 6.1 per cent year-on-year to RM749.2 billion in the second quarter of 2025. Exports grew 3.4 per cent to RM381.8 billion, while imports surged 9.0 per cent to RM367.4 billion. As a result, the trade surplus narrowed significantly to RM14.4 billion, a sharp decline of 55.3 per cent compared to the same quarter of 2024. However, momentum improved in July 2025, with total trade rising by 3.8 per cent year-on-year to RM265.9 billion. Exports strengthened to RM140.4 billion (+6.8%), while imports posted a modest increase of RM125.5 billion (+0.6%), leading to a trade surplus of RM15.0 billion, the highest recorded in 2025.

This performance reflects a mixed external sector outlook. While the current account surplus and FDI inflows moderated due to global uncertainties, Malaysia's trade sector continued to demonstrate resilience. The July rebound, driven by stronger export performance, suggesting improving external demand, particularly for key manufactured goods, which could provide support to Malaysia's external position in the second half of the year.

In terms of prices, Malaysia's inflation eased to 1.1 per cent in June 2025 compared to 1.2 per cent in May 2025. The inflation rate for Restaurants & Accommodation Services stood at 2.8 per cent (May 2025: 3.0%), while Food & Beverages remained at

2.1 per cent, and Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance recorded a slower increase of 0.1 per cent (May 2025: 0.2%). Meanwhile, some groups posted higher increases especially Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services at 4.2 per cent (May 2025: 3.7%). For the second quarter of 2025, inflation registered 1.3 per cent year-on-year, lower than the 1.5 per cent recorded in Q1 2025. For July 2025, the inflation increased slower at 1.2 per cent with the index points stood at 134.7 as against 133.1 in the same month of the previous year.

Meanwhile, Malaysia's Producer Price Index (PPI) for Local Production declined by 4.2 per cent in June 2025, following a 3.6 per cent decrease in May 2025. All major sectors recorded year-on-year declines, led by Mining (-8.0%) and Manufacturing (-4.3%). For the second quarter of 2025, the PPI contracted 3.7 per cent (Q1 2025: -0.3%), mainly due to sharp declines in Mining (-13.7%) and Manufacturing (-3.4%).

The moderation in consumer inflation signals stable price conditions, largely driven by easing pressures in services and household-related categories. However, persistent declines in producer prices, particularly in Mining and Manufacturing, highlight ongoing cost adjustments in upstream industries. This divergence suggests that while consumer prices remain stable, subdued producer prices could influence future inflation trends and reflect underlying softness in global commodity markets.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also highlighted that Malaysia's labour market continued to strengthen in the second quarter of 2025, Malaysia's labour force increased by 2.7 per cent year-on-year, reaching 17.37 million persons, with the labour force participation rate (LFPR) edging up to 70.8 per cent. The number of employed persons grew 2.9 per cent to 16.85 million, lifting the employment-to-population ratio to 68.7 per cent. Concurrently, the number of unemployed persons declined by 4.4 per cent to 520.9 thousand, bringing the unemployment rate down to 3.0 per cent.

In June 2025, the Leading Index (LI) saw a slight edge down in its annual growth rate of 0.2 per cent, reaching 113.4 points from 113.6 points in the same month the year before. Meanwhile, the LI stayed below 100.0 points in the smoothed long-term trend, indicating that the economy is expected to ease in the future which is aided by a solid domestic support but hindered by external challenges.

Emargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Friday 29th August

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia has, for the first time, successfully recorded the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.


Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

29th August 2025


Exhibit 1: Quarterly Economic Indicator



Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Friday 29th August


Index of Services

5.0%
Q2 2025




Volume Index of Wholesale & Retail Trade

4.3%
Q2 2025




Exports

3.4%
Q2 2025




Imports

9.0%
Q2 2025



Consumer Price Index (CPI)

1.3%
Q2 2025



Producer Price Index (PPI) Local Production

-3.7%
Q2 2025

